

**KESAN AMALAN PELAKSANAAN PENYELIAAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
DI SEKOLAH RENDAH**

Tay Yong Choo

Jabatan Pengajian Melayu
tyc79@yahoo.com

Yap Chin Huat

Jabatan Bahasa
huat008@gmail.com

Wong Shia Ho

Jabatan PIPK
wsh@ipbl.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui amalan penyeliaan dan kesan penyeliaan terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah. Seramai 35 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah terlibat sebagai responden kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif berdasarkan selidik. Data-data kajian dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan perisian *Statistik Package for the Social Science* (SPSS) Versi 23. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu mempunyai pengamalan baik dalam penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Sebaliknya, kesan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap profesionalisme keguruan adalah sederhana tinggi. Min keseluruhan untuk kedua-dua komponen, iaitu amalan penyeliaan dan kesan penyeliaan adalah tinggi.

Kata kunci: guru Bahasa Melayu, amalan, kesan, penyeliaan pengajaran dan pembelajaran

Abstract

This descriptive study using questionnaire was conducted to determine the effect of supervision and supervisory practices on teaching and learning in primary schools. A total of 35 Malay language primary school teachers were involved as respondents. The data were analyzed quantitatively using Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 23. Overall, the study showed that the Malay Language teachers have good practices in teaching and learning supervision implemented in schools whereas the effect of teaching supervision on professionalism in teaching was average high. The overall mean of the two components, namely the practice of supervision and effect of supervisory practices was high.

Keywords: Malay language teachers, practice, impact, supervision of teaching and learning

PENGENALAN

Marcapada, profesion keguruan sering mendapat perhatian masyarakat kerana peranannya yang begitu signifikan dalam membentuk generasi akan datang. Guru sebagai pengajar atau pendidik, merupakan salah satu faktor penentu keberhasilan setiap usaha pendidikan dengan pengajaran. Bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan, guru perlu menguasai kaedah dan teknik pengajaran dengan baik, mempunyai kemahiran dalam penyampaian, sentiasa melakukan penilaian dan membentuk hubungan yang mesra dengan pelajar. Keempat-empat aspek ini penting diberi penekanan bagi memudahkan tugas mereka menyampaikan ilmu dan memastikan objektif pengajaran-pembelajaran tercapai. Di samping itu, peranan guru besar dan pengetua juga penting untuk menjadikan sekolah mereka sebuah institusi yang cemerlang.

Lantaran itu, bagi meningkatkan kualiti pendidikan, penyeliaan pengajaran yang berkesan perlu ditegaskan dalam proses pengajaran guru. Penyeliaan sebagai salah satu mekanisme penting dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)(2010) untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, dengan mengesan kelemahan dan membuat penambahbaikan. Penyeliaan pengajaran telah menjadi tema atau agenda utama dalam pengurusan sekolah pada masa ini. Keutamaan ini lahir daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkehendakkan pengetua atau guru besar melakukan penyeliaan yang intensif terhadap guru-guru mereka. Penyeliaan oleh pihak pengurusan sekolah amat perlu dalam memastikan kecemerlangan kerja guru secara berterusan. Hubungan antara pencapaian murid dengan kebolehan guru untuk menyampaikan kurikulum adalah berkait rapat seperti mana yang dinyatakan oleh Ayob Jantan (2004) bahawa pencapaian cemerlang murid amat berkait rapat dengan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran guru serta keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru.

Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran

Penyeliaan ialah satu kaedah dan teknik untuk meningkatkan pengajaran dan seterusnya meningkatkan pembelajaran pelajar menggunakan pendekatan yang pelbagai dan sistematik. (Harris, 1998; Holland, 1998; Zepeda, 2007; Abdul Rahman Abdul Majid, 2010; Shukri Zain, 2011; Shamsudin Mohamad & Kamarul Azmi Jasmi, 2011). Glickman (1990) juga menyatakan bahawa penyeliaan pengajaran ialah sejenis penyeliaan yang dinamik dalam proses pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran. Dalam erti kata lain, setiap penyeliaan perlu membawa perubahan yang positif untuk meningkatkan mutu pengajaran seseorang guru. Menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Foo Say Fooi (2003), satu sistem kawalan untuk memastikan kualiti pengajaran dan kompetensi guru amat perlu disebabkan penyeliaan bukan sahaja dapat membaiki kesalahan dan penyelewengan peranan guru bahkan dapat menyusun strategi yang berkesan hasil daripada maklum balas penyeliaan yang dilakukan. Glatthorn (1990) menyatakan penyeliaan merupakan *'a process designed to improved instruction conferring with teacher on lesson planning, observing the lesson, analyzing the observation by conferring with the teacher feedback'*. Dengan itu, dalam perbincangan, proses memberi dan menerima antara penyelia dengan guru harus sentiasa berlaku.

Peningkatan mutu pengajaran merupakan matlamat utama penyeliaan pengajaran. Menurut Shamsudin Mohamad dan Kamarul Azmi Jasmi (2011), aktiviti

dan proses pengajaran dan pembelajaran perlu diselia dan dipantau. Ketika penyelia, iaitu guru besar atau pentadbir sekolah menjalankan tugas penyeliaan, mereka akan memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa dapat dipertingkatkan. Pencerapan dari segi memberikan ulasan, merekodkan, memberikan respons terhadap penyeliaan yang telah dijalankan serta membuat perbincangan akan segala kekurangan atau kelemahan yang diperhatikan. Untuk menjalankan penyeliaan yang sistematik, segala prinsip yang wujud dalam penyeliaan klinikal diguna pakai bermula daripada prapenyeliaan, iaitu prapengajaran, semasa penyeliaan dan diikuti dengan selepas penyeliaan, iaitu pascapengajaran (Esah Sulaiman, 2003).

Pernyataan Masalah

Banyak diperkatakan tentang perlunya penyeliaan pengajaran dijalankan oleh pentadbir sekolah untuk meningkatkan prestasi guru. Ketidakhahaman proses dan konsep penyeliaan akan menyebabkan penyeliaan diberikan tanggapan yang negatif oleh guru-guru semata-mata sebagai helah untuk mencari kesalahan. Cogan (1973) berpendapat bahawa tingkah laku guru boleh diubah melalui data yang diperoleh kerana guru dapat mengubah tingkah laku mereka untuk memberikan pengajaran yang lebih baik. Menurut beliau, penyeliaan klinikal adalah untuk membaiki dan menjelaskan kekurangan yang dikesan ketika diselia di dalam bilik darjah. Al Ramaiah (1999) pula menyatakan bahawa penyeliaan merupakan satu usaha untuk mendorong, menyelaraskan dan membimbing para guru dalam hal pengajaran supaya mereka lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran.

Menyedari pentingnya penyeliaan dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pengurusan kurikulum, kebanyakan sekolah telah menjadikan proses penyeliaan sebagai salah satu tugas utama yang dijalankan oleh pentadbir. Persoalannya ialah: Adakah amalan penyeliaan yang dijalankan oleh mereka menggunakan langkah dan pendekatan yang betul? Jikalau penyeliaan yang dijalankan oleh pihak pentadbir mengikut masa yang dijadualkan, timbul juga persoalan adakah penyeliaan itu akan memberikan impak terhadap profesionalisme keguruan dan prestasi murid di sekolah? Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti persoalan di atas supaya dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada para penyelia dan guru-guru yang diselia tentang penyeliaan yang giat dilaksanakan di sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- mengenal pasti amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah rendah, dan
- mengenal pasti kesan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap profesionalisme keguruan.

KAJIAN LITERATUR

Penyeliaan dapat membantu guru menyelaraskan aktiviti pengajaran dan merangsang guru untuk mencapai prestasi kerjaya cemerlang serta dapat memperkembangkan potensi diri seseorang guru. Menurut Aminuddin Adam (2005), penyeliaan guru besar dapat membantu guru meningkatkan mutu

pengajaran dan apa-apa yang sebenarnya berlaku di dalam bilik darjah supaya menjadi lebih berkesan. Kajian McKean dan Mills (1964) menjelaskan bahawa tugas penyeliaan adalah untuk mengajar guru atau membimbing guru cara mengajar yang berkaitan dengan kurikulum dan bentuknya meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dapatan kajian ini sama dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Robiah Sidin (1988) dan Ibrahim Mamat (1993) yang menyatakan bahawa penyeliaan bermakna memberikan bimbingan kepada para guru untuk berkembang, meningkatkan dan mencapai kesempurnaan dalam tugas mereka.

Sergiovanni dan Starrat (1979) dalam kajian mereka menyatakan bahawa adanya hubungan yang baik antara guru dengan penyelia dari aspek pembentukan asas program, prosedur dan strategi yang direka akan meningkatkan pembelajaran murid dengan meningkatkan tingkah laku guru di dalam bilik darjah. Hasil kajian Hamdan Said dan Nurlia Mohamad (2011) mendapati penyeliaan dapat membantu guru memahami keperluan sesuatu topik pengajaran. Menurut Goldhammer, Anderson dan Krajewski (1980), seseorang penyelia yang berminat untuk mengaplikasikan pendekatan klinikal harus mengetahui dan harus faham akan teknik asas yang sangat bernas dan bagus untuk membangunkan mutu pengajaran guru serta kompetensi mereka. Menurut Ibrahim Mamat (2001), penyeliaan klinikal ialah pemerhatian secara langsung tentang pengajaran seseorang guru di dalam bilik darjah. Semasa penyeliaan dibuat, segala perlakuan guru sama ada positif atau negatif dicatat oleh penyelia, tidak kira perbuatan, pertuturan atau tabiat. Cara ini memastikan guru mendapat maklum balas yang jelas dan segera daripada penyelia tentang kekuatan dan kelemahannya. Laporan dan teguran yang berterus terang daripada penyelia membolehkannya memperbaiki pengajarannya.

Teori X dan Teori Y

Menurut Douglas McGregor (1960), tingkah laku individu di tempat kerja cenderung terbahagi kepada dua jenis yang boleh dikategorikan kepada dua model yang beliau gelarkan sebagai Teori X dan Teori Y. Mengikut beliau, individu yang bersifat Teori X dan Teori Y mempunyai ciri-ciri berikut:

Teori X

- Memerlukan penyeliaan yang rapi
- Akan mengelakkan diri daripada kerja atau tugas
- Akan mengelakkan diri daripada memikul tanggungjawab
- Keinginan bekerja bergantung kepada ganjaran yang setimpal
- Mereka memerlukan daya tolakan daripada pihak atasan untuk bertindak

Teori Y

- Mereka inginkan sifat kependirian dalam melaksanakan kerja atau tugas
- Mereka berkeinginan untuk memikul tanggungjawab
- Mereka bekerja atas dorongan kepuasan diri
- Mereka sememangnya jenis suka bekerja
- Mereka mempunyai daya tolakan sendiri untuk bertindak.

Oleh sebab manusia mempunyai sifat sedemikian, maka guru-guru bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri Teori X sememangnya memerlukan penyeliaan yang rapi daripada pihak atasan supaya dapat menjalankan proses pengajaran dan

pembelajaran dengan lebih berkesan. Manakala guru-guru Bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri Teori Y akan menganggap penyeliaan sebagai satu peluang untuk dirinya memperbaiki kelemahan dan kekurangan sendiri supaya dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan lebih berkesan lagi.

KAEDAH KAJIAN

Sampel

Kajian ini melibatkan 35 orang guru bahasa Melayu daripada 14 buah sekolah rendah meliputi daerah Kuching, Padawan, Serian, Sri Aman dan Sibu di negeri Sarawak. Profil mereka adalah seperti dipaparkan pada Jadual 1.

Jadual 1

Profil Sampel

	Profil	Kekerapan (N=35)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	9	26
	Perempuan	26	74
Pengalaman Mengajar	1-10 Tahun	8	23
	11-20 Tahun	8	23
	21-30 Tahun	19	54
	31-40 Tahun	-	-
Kelulusan Akademik	SPM	4	11
	STPM	1	3
	Sijil / Diploma	7	20
	Ijazah Sarjana Muda	22	63
	Ijazah Sarjana	1	3
	PhD	-	-

Jadual 1 mempamerkan profil sampel yang terdapat sembilan orang (26%) guru Bahasa Melayu lelaki dan 26 orang (74%) guru Bahasa Melayu perempuan. Mereka masing-masing mempunyai pengalaman mengajar yang berbeza, iaitu terdapat lapan orang (23%) mempunyai pengalaman mengajar antara 1-10 tahun, lapan orang (23%) mempunyai pengalaman mengajar antara 11-20 tahun, 19 orang (54%) mempunyai pengalaman mengajar antara 21-30 tahun dan tiada seorang pun yang mempunyai pengalaman mengajar antara 31-40 tahun. Rata-rata mereka mempunyai sekurang-kurangnya Sijil atau Diploma. Guru yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda paling ramai, iaitu sebanyak 22 orang (63%) diikuti oleh Sijil atau Diploma seramai tujuh orang (20%). Guru yang berkecualan SPM seramai empat orang (11%) diikuti oleh STPM dan Ijazah Sarjana masing-masing mempunyai seorang (3%).

Instrumen Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen ini diadaptasi daripada soal selidik Zainuddin Muhammad (1998) dalam kajian bertajuk "Satu Tinjauan tentang Persepsi Guru-guru terhadap Penyeliaan Pengajaran di Sekolah". Instrumen kajian ini mengandungi 23 item dan dibahagikan kepada dua komponen, iaitu:

- amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah rendah, dan
- kesan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap profesionalisme keguruan.

Analisis Data

Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistik Package for the Social Science* (SPSS) Versi 23 dan dilaporkan dalam bentuk min dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap kemahiran yang dikuasai oleh responden, Skala Likert 5 mata digunakan dan dibahagikan kepada 4 tahap, iaitu rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Tahap Kemahiran Guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kesan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran

Julat Min	Tahap
1.00 - 1.99	Rendah (R)
2.00 - 2.99	Sederhana Rendah (SR)
3.00 - 3.99	Sederhana Tinggi (ST)
4.00 - 5.00	Tinggi (T)

DAPATAN KAJIAN

Amalan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran yang Dilaksanakan di Sekolah Rendah

Aspek-aspek yang menjadi tumpuan dalam analisis dapatan tentang amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah rendah ialah persepsi responden tentang kekerapan penyeliaan, peranan penyelia, hasil penyeliaan, konferensi dan masa yang sesuai untuk penyeliaan dijalankan. Dapatan kajian mencatatkan tahap min keseluruhan persepsi guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah adalah tinggi, iaitu 4.09 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Persepsi Guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah terhadap Amalan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran

No. Item	Item	Min	SP
15	Guru yang baru mengajar perlu lebih kerap diselia berbanding guru yang telah lama mengajar.	3.77	0.91
16	Guru Besar sebagai pemimpin pengajaran di sekolah amat sesuai menjalankan penyeliaan di sekolah.	3.80	0.99
17	Guru perlu diberi peluang dan diajak berbincang mengenai aspek-aspek yang hendak diselia sebelum penyeliaan dibuat.	4.29	0.62
18	Menentukan kelas dan mata pelajaran yang hendak diajar bagi tujuan penyeliaan adalah penting sebelum penyeliaan dijalankan.	4.37	0.69
19	Memaklumkan kepada guru-guru lain tentang hasil penyeliaan adalah perlu untuk meningkatkan prestasi pengajaran.	3.94	0.91
20	Guru lebih suka penyelia berbincang terlebih dahulu tentang pengajaran yang hendak dijalankan.	4.06	0.84
21	Aspek-aspek seperti teknik pengajaran, penyediaan, komunikasi antara guru dan murid, induksi set, bahan bantu mengajar(BBM) perlu diberi perhatian.	4.03	0.82
22	Data-data yang diperoleh dapat membantu meningkatkan lagi proses pengajaran.	4.17	0.75
23	Guru lebih suka diajak berbincang tentang kelemahan dan kekuatan pengajaran selepas penyeliaan dijalankan.	4.37	0.73
Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		4.09	0.81

SP = Sisihan Piawai

Item 18 dan item 23 menunjukkan tahap min yang sama, iaitu 4.37 berada pada tahap yang tinggi pada kedudukan pertama. Responden sangat setuju bahawa kelas dan mata pelajaran perlu ditentukan dahulu agar dapat membuat persediaan dan tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran semasa. Mereka juga lebih suka diajak berbincang tentang kelemahan dan kekuatan pengajaran selepas penyeliaan dijalankan dan dapatan ini disokong oleh Ibrahim Mamat (2001) yang menyatakan bahawa penyeliaan klinikal ialah pemerhatian secara langsung tentang pengajaran seseorang guru di dalam bilik darjah. Semasa penyeliaan dibuat, segala perlakuan guru sama ada positif atau negatif dicatat oleh penyelia, tidak kira perbuatan, pertuturan atau tabiat. Cara ini memastikan guru mendapat maklum balas yang jelas dan segera daripada penyelia tentang kekuatan dan kelemahannya. Laporan dan teguran yang berterus terang daripada penyelia, membolehkannya memperbaiki pengajarannya.

Terdapat item-item yang mempunyai skor min antara 4.00-4.30, iaitu item 17, 20, 21 dan 22. Ini menunjukkan responden berpendapat bahawa mereka perlu diberi peluang dan diajak berbincang mengenai aspek-aspek yang hendak diselia sebelum penyeliaan dibuat. Di samping itu, guru juga lebih suka penyelia berbincang dengan mereka terlebih dahulu tentang pengajaran yang hendak dijalankan sebelum penyeliaan dijalankan. Mereka juga berpendapat bahawa aspek-aspek seperti teknik pengajaran, penyediaan dan komunikasi perlu diberi perhatian semasa penyeliaan. Responden bersetuju bahawa data-data yang

Tay Yong Choo, Yap Chin Huat & Wong Shia Ho/ Kesan amalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah

diperoleh selepas penyeliaan ini dapat membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Item 15, 16 dan 19 mendapat skor min kurang daripada 4.00, iaitu 3.77, 3.80 dan 3.94. Item 15 mendapat skor min yang terendah antara sembilan item. Ini menunjukkan responden kurang bersetuju bahawa guru yang baru mengajar perlu lebih kerap diselia berbanding dengan guru yang telah lama mengajar di sekolah. Kesemua item tentang amalan penyeliaan mempunyai sisihan piawai antara 0.60 hingga 1.00 manakala sisihan piawai keseluruhannya ialah 0.81.

Keseluruhan dapatan tentang amalan penyeliaan bertentangan dengan dapatan Vijayaamalar Gunarasa dan Suhaida Abdul Kadir (2013). Hasil kajian ini mendapat skor min pada tahap yang tinggi iaitu min keseluruhannya ialah 4.09, sebaliknya dapatan mereka hanya mendapat skor min pada tahap sederhana sahaja.

Kesan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran terhadap Profesionalisme Keguruan

Dalam membincangkan tentang kesan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap profesionalisme keguruan pula, hasil kajian mencatatkan skor min keseluruhan 3.94 pada tahap sederhana tinggi dengan sisihan piawai keseluruhan 0.85 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Keberkesanan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran terhadap Profesionalisme Keguruan Guru-Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah

No. Item	Item	Min	SP
8	Penyeliaan adalah perlu bagi memastikan objektif pengajaran guru tercapai.	3.69	1.05
9	Penyeliaan dapat membantu guru merancang pengajaran bagi tujuan mencapai matlamat yang dikehendaki.	3.91	0.78
10	Penyeliaan dapat guru menggunakan dan mengembangkan cara pengajaran mereka yang tersendiri.	4.00	0.84
11	Penyeliaan oleh penyelia dalam kelas tidak menyebabkan guru berasa cemas dan mengganggu pengajaran guru.	3.31	0.90
12	Penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam aspek penyeliaan sebelum penyeliaan bermula.	4.51	0.61
13	Hubungan mesra antara penyelia dan guru adalah penting dalam proses penyeliaan pengajaran.	4.03	0.92
14	Penyeliaan berkesan dapat membantu guru dalam pengurusan bahan, strategi dan kaedah pengajaran.	4.11	0.83
Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan		3.94	0.85

SP = Sisihan Piawai

Item 12 mencatatkan skor min tertinggi pada tahap tinggi, iaitu 4.51. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam aspek penyeliaan sebelum penyeliaan di sekolah bermula. Dapatan ini sama seperti dapatan kajian Goldhammer, Anderson dan Krajewski (1980) yang menyatakan seseorang penyelia yang berminat untuk mengaplikasikan pendekatan

klinikal harus mengetahui dan harus faham akan teknik asas yang sangat bernas dan bagus untuk membangunkan mutu pengajaran guru serta kompetensi mereka dengan teliti.

Terdapat tiga item yang mencatat skor min 4.00 ke atas, iaitu Item 13 dan 14 yang mendapat skor min 4.03 dan 4.11. Ini bermakna responden berpendapat bahawa hubungan mesra antara penyelia dengan guru adalah penting dalam proses penyeliaan pengajaran serta berpendapat bahawa penyeliaan berkesan dapat membantu guru dalam pengurusan bahan, strategi dan kaedah pengajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Sergiovanni dan Starrat (2006) yang menyatakan bahawa adanya hubungan yang baik antara guru dan penyelia dari aspek pembentukan asas program, prosedur dan strategi yang direka akan meningkatkan pembelajaran murid dengan meningkatkan tingkah laku guru di dalam bilik darjah.

Satu lagi item yang berada pada tahap tinggi, iaitu Item 10 yang menyatakan penyeliaan dapat menggalakkan guru menggunakan dan mengembangkan cara pengajaran mereka yang tersendiri. Terdapat tiga item berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu item 8, 9 dan 11 yang mencatat skor min masing-masing 3.69, 3.91 dan 3.31. Item 8 yang berkaitan dengan “penyeliaan adalah perlu bagi memastikan objektif pengajaran guru tercapai” mempunyai sisihan piawai tertinggi, iaitu 1.05. Item 9 yang menyatakan “penyeliaan dapat membantu guru merancang pengajaran bagi tujuan mencapai matlamat yang dikehendaki” berada pada sisihan piawai 0.78 manakala Item 11 yang menyatakan bahawa “penyeliaan oleh penyelia dalam kelas tidak menyebabkan guru berasa cemas dan mengganggu pengajaran guru” mendapat sisihan piawai 0.90. Item 11 mendapat skor min terendah. Hal ini bermakna “guru merasa agak cemas dan agak mengganggu pengajaran guru sekiranya penyelia membuat penyeliaan di dalam kelas”.

PERBINCANGAN

Dapatan berkaitan dengan amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah menunjukkan amalan positif pada keseluruhannya. Responden berpendapat bahawa mereka harus diberi peluang dan diajak berbincang tentang aspek-aspek yang hendak diselia, kelas serta mata pelajaran yang hendak diajar sebelum penyeliaan supaya mereka boleh membuat persediaan dari segi fizikal dan mental. Guru-guru juga suka diajak berbincang tentang kelemahan dan kekuatan pengajaran diri mereka selepas penyeliaan supaya boleh membuat penambahbaikan tentang proses pengajaran mereka dari semasa ke semasa. Responden merasakan bahawa aspek-aspek seperti teknik pengajaran, penyoalan, komunikasi antara guru dengan murid serta induksi set harus diberi perhatian dan penekanan sewajarnya. Data-data yang diperoleh semasa penyeliaan dapat membantu meningkatkan mutu proses pengajaran kerana refleksi sendiri dapat dibuat ekoran daripada data-data berkenaan. Guru-guru lebih suka penyelia berbincang terlebih dahulu tentang pengajaran yang hendak dijalankan supaya mereka boleh mengetahui kehendak penyelia dan membuat penyelarasan dari segi proses pengajaran, teknik pengajaran, teknik penyoalan dan sebagainya. Responden juga merasakan Guru Besar ialah individu yang sesuai untuk membuat penyeliaan tentang pengajaran guru-guru Bahasa Melayu di bawah seliaannya.

Tay Yong Choo, Yap Chin Huat & Wong Shia Ho/ Kesan amalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah

Dari aspek kesan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap profesionalisme keguruan pula, guru-guru Bahasa Melayu yang merupakan guru diselia memberikan komen bahawa penyelia perlu mempunyai kemahiran menyelia sebelum penyeliaan pengajaran berlangsung. Hubungan yang mesra antara penyelia dengan guru juga harus diberi perhatian sewajarnya kerana hubungan yang erat semestinya membolehkan proses pelaksanaan penyeliaan pengajaran dijalankan dengan baik. Penyeliaan yang berkesan dapat membantu guru dalam pengurusan bahan bantu mengajar, penggunaan strategi pengajaran yang berkesan dan menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian. Penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam aspek penyeliaan sebelum penyeliaan berlangsung supaya matlamat tersebut tercapai.

Kesimpulannya, guru-guru Bahasa Melayu mempunyai amalan baik dalam penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Sebaliknya, kesan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap profesionalisme keguruan berada pada tahap sederhana tinggi.

IMPLIKASI KAJIAN

Pengalaman guru-guru bahasa Melayu dan kesan pelaksanaan penyeliaan terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada para penyelia yang merupakan Guru Kanan, Ketua Panitia, Ketua Bidang, Penolong Kanan, Guru Besar, Pegawai Pejabat Daerah, Pegawai Jemaah Nazir, Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri mahupun Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat penilaian semula terhadap prosedur dan langkah-langkah penyeliaan supaya memastikan proses penyeliaan dilaksanakan dengan berkesan. Dengan adanya komen daripada pihak diselia sememangnya banyak membantu pihak yang menyelia untuk melaksanakan penyeliaan dengan berkesan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah merupakan satu amalan yang penting untuk mempertingkatkan amalan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru. Oleh itu, dicadangkan agar kajian lanjutan yang melibatkan kemahiran dan bimbingan penyelia, saiz responden yang lebih besar dan melibatkan guru-guru Bahasa Melayu sekolah-sekolah kebangsaan dilakukan supaya gambaran yang menyeluruh mengenai isu ini lebih jelas.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Majid. (2010). *Kepemimpinan dan penyeliaan instruksional dari perspektif pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia
- AL. Ramaiah. (1999). *Kepimpinan pendidikan: Cabaran masa kini*. Selangor: BS Buku.
- Aminuddin Adam (2005). *Penyeliaan dan penilaian*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Instruksional untuk Pengetua/Guru Besar di Institut Aminuddi Baki.
- Ayob Jantan. (2004). *Pengetua sekolah yang efektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Tay Yong Choo, Yap Chin Huat & Wong Shia Ho/ Kesan amalan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah

- Cogan, M. L. (1973). *Clinical supervision*. Boston: Houghton Mifflin.
- Douglas McGregor. (1960). *The human side of enterprise*. New York: McGraw-Hill.
- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan profesionalisme perguruan*. Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Glatthorn, A. A. (1990). *Supervisory leadership: Introduction to instructional supervision*. Glenview, IL: Scott, Foresman/Little, Brown Higher Education.
- Glickman, C.D. (1990). *Supervision of instruction: A development approach* (2nd Edition). Boston: Allyn & Bacon.
- Goldhammer, R., Anderson, R. & Krajewski, R. (1980). *Clinical supervision* (2nd Edition). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Hamdan Bin Said & Nurlia Binti Mohamad. (2011). *Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor*. Dimuat turun daripada <https://www.researchgate.net/publication/49911055> [10 Februari 2016].
- Harris, B.M. (1998). *Paradigms and parameters of supervision in education*. Dalam F. Gerald & E. Pajak (Eds.), *Handbook of research on school supervision* (pp. 1-34). New York: Simon & Schuster Macmillan.
- Holland, P.E. (1998). Processes and techniques in *supervision*. Dalam F. Gerald & E. Pajak (Eds.), *Handbook of research on school supervision* (pp. 1-34). New York: Simon & Schuster Macmillan.
- Ibrahim Mamat. (1993). *Kepimpinan sekolah*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Ibrahim Mamat. (2001). *Pengetua sekolah menangani isu dan cabaran kepimpinan* (Edisi Ke-2). Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- McKean, R.C. & Mills, H.H. (1964). *The supervisor*. Washington DC.: The Center for Applied Research in Education, Inc.
- Robiah Sidin. (1988). *Asas pentadbiran pendidikan*. Petaling Jaya: Pustaka Cipta.
- Sergiovanni, T. J. & Starrat, R. J. (1979). *Supervision: Human perspectives*. New York: McGraw-Hill.
- Shamsudin Mohamad & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Penyeliaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran*. Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Shukri Zain. (2011). *Penyeliaan pendidikan: Teori dan amalan*. Perak: Emeritus Publications.
- Vijayaamalar Gunarasa & Suhaida Abdul Kadir. (2013). *Amalan penyeliaan pengajaran yang dijalankan dalam kalangan guru sekolah menengah kebangsaan, Zon Bangsar, Kuala Lumpur*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC) di Universiti Putra Malaysia pada 1 Disember 2013.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo Say Fooi. (2003). *Pengurusan dan kepimpinan pendidikan: Satu langkah ke hadapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zainuddin Muhammad. (1998). *Satu tinjauan tentang persepsi guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zepeda, S.J. (2007). *Instructional supervision: Applying tools and concepts* (2nd Ed.). New York: Eye on Education.